

**SIGHAH PENJELASAN HUKUM**  
**MESYUARAT LEMBAGA FATWA NEGERI SARAWAK KALI KE-18**

**TARIKH : 22 DISEMBER 2010 / 16 MUHARRAM 1432H**

**TEMPAT : DI BILIK SYURA, PEJABAT MUFTI**

**NO. KERTAS KERJA : KERTAS MESYUARAT 1**  
**TAJUK : HUKUM PEMAKAIAN INAI BERCORAK**  
**MENGIKUT SYARAK**

Mesyuarat sebulat suara menerima hukum seperti yang diputuskan dalam Muzakarah tersebut seperti berikut:

- i. Setelah meneliti keterangan dan hujah-hujah, ahli mesyuarat **berpandangan** bahawa di dalam Islam, para fuqaha' sepakat memutuskan bahawa **pemakaian inai pada kedua tangan dan kaki adalah diharuskan bagi wanita sama ada yang telah berkahwin atau belum selagi mana tidak menimbulkan fitnah.**
- ii. Walau bagaimanapun, **kadar pemakaian** ini di kedua-dua tangan dan kaki adalah **terhad sehingga pergelangan tangan dan buku lali sahaja**, manakala warna yang digunakan **tidak bersifat kekal dan mengandungi sebarang unsur yang meragukan.** Mengenai **corak atau ukiran** yang digunakan pula, **corak atau ukiran daun dan tumbuh-tumbuhan adalah dibenarkan**, manakala **corak-corak haiwan, lambang dewa-dewa atau ajaran atau apa jua gambaran yang bertentangan dengan syarak adalah dilarang.**
- iii. Mesyuarat juga **memutuskan** bahawa **pemakaian inai pada kedua tangan dan kaki bagi lelaki adalah tidak diharuskan** kecuali pada sebilangan jari bagi pengantin semasa majlis perkahwinan dan juga untuk tujuan perubatan.

**NO. KERTAS KERJA : KERTAS MESYUARAT 2**  
**TAJUK : HUKUM PELANCONG BUKAN ISLAM MEMASUKI MASJID DAN RUANG SOLAT UTAMA DI DALAM MASJID**

Mesyuarat telah memutuskan agar sigham keputusan seperti berikut:

**“Orang bukan Islam diharuskan memasuki masjid dan ruang solat dengan syarat mendapat keizinan pihak pengurusan masjid dan perlakuan serta tingkah laku mereka tidak mencemarkan kesucian masjid dan sentiasa terkawal dan beradab.”**

**NO. KERTAS KERJA : KERTAS MESYUARAT 3**  
**TAJUK : ISTIADAT MELETAKKAN KALUNGAN BUNGA DI TUGU PERINGATAN NEGARA**

Mesyuarat bersetuju untuk meluaskan skop **Tugu Peringatan Negara** dalam kertas ini kepada **mana-mana Tugu Peringatan.**

Setelah mendengar pembentangan kertas kerja berkenaan, Mesyuarat sebulat suara memutuskan bahawa sigham keputusan adalah seperti berikut :

**"Istiadat meletakkan kalungan bunga di tugu peringatan adalah bercanggah dengan Islam"**

**NO. KERTAS KERJA : KERTAS MESYUARAT 4**

**TAJUK : HUKUM WANITA HAID MEMASUKI  
MASJID UNTUK TUJUAN PEMBELAJARAN  
SEMATA-MATA**

Mesyuarat sebulat suara menerima sighah keputusan Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia seperti berikut :

**“Perempuan yang dalam keadaan haid haram berada / duduk di dalam masjid walaupun untuk tujuan pembelajaran dan program-program keagamaan.”**

**NO. KERTAS KERJA : KERTAS MESYUARAT 5**

**TAJUK : KEDUDUKAN GANJARAN TERBITAN DAN  
PENCEN TERBITAN DARI SEGI PUSAKA  
DAN PEMOTONGAN HUTANG-HUTANG  
KERAJAAN DARIPADA GANJARAN DAN  
PENCEN TERBITAN TERSEBUT**

Mesyuarat sebulat suara menerima sighah keputusan Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-21 seperti berikut :

**“Ganjaran terbitan dan pencen terbitan tidak termasuk sebagai harta pusaka, maka kaedah pembahagiannya tidak tertakluk kepada kaedah pembahagian harta pusaka.”**

**NO. KERTAS KERJA : KERTAS MESYUARAT 6**

**TAJUK : PENGGUGURAN KANDUNGAN ATAS  
NASIHAT DOKTOR DISEBABKAN  
KECACATAN**

Mesyuarat sebulat suara menerima sighth keputusan Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-26 seperti berikut :

**“Adalah haram menggurkan janin di dalam kandungan, kecuali atas sebab-sebab kecacatan yang teruk yang boleh membahayakan nyawa ibu.”**